

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(6)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 6 TAHUN 2017**

**Tarikh** : 21 Jun 2017 (Rabu)  
**Masa** : 10.00 pagi hingga 11.30 pagi  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya  
**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tn. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN PENGERUSI**

Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 6/2017 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

**2.1 PROGRAM PENYERAHAN TONG PENGKOMPOSAN SISA ORGANIK KEPADA SEKOLAH DAN LAWATAN KE PUSAT BIOMASS BERSEPADU MPSJ**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Program Penyerahan Tong Pengkomposan

Sisa Organik Kepada Sekolah Dan Lawatan Ke Pusat Biomass Bersepadu MPSJ. Program ini merupakan lanjutan dari Program Anugerah Sekolah Sejahtera MPSJ yang dijalankan sepanjang tahun.

Ia merupakan salah satu Modul dalam program ini bagi memberi kesedaran kepada sekolah dibawah kawasan pentadbiran MPSJ mengenai cara-cara Pengkomposan Sisa Organik menggunakan Tong yang diberi secara percuma serta memperkenalkan Pusat Biomass Bersepadu MPSJ kepada pelajar dan guru-guru sekolah. Program ini akan dilaksanakan seperti maklumat berikut :

**Tarikh : 12 Julai 2017 (Rabu)**

**Masa : 9.30 pagi**

**Tempat : Pusat Biomass Bersepadu MPSJ, Jalan BP 4/1, Bandar Bukit Puchong, Selangor**

## **2.2 MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MPSJ 2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MPSJ 2017** dengan cadangan kolaboratif bersama Rakan Sinergi The Summit Subang USJ Management Corporation dan Mines Wellness Hotel.

Program ini merupakan aktiviti tahunan MPSJ yang diadakan bertujuan untuk mengeratkan jaringan komunikasi dan kerjasama di antara kakitangan, Ahli-Ahli Majlis, rakan sinergi, 'stakeholders' dan komuniti. Program ini akan dilaksanakan seperti maklumat berikut :

**Tarikh : 14 Julai 2017 (Jumaat)**

**Masa : 3.00 – 5.00 petang**

**Tempat : Bangunan MPSJ**

### **2.3 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Sehingga **minggu epid ke 24** tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan sejumlah **3,098** kes demam denggi. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 41% jika dibandingkan dengan bilangan kes pada minggu epid yang sama pada tahun lepas iaitu sebanyak 5,290 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi sehingga minggu epid ke 24 adalah berjumlah **15** iaitu mengikut pecahan zon seperti berikut;

<b>BIL</b>	<b>ZON</b>	<b>BILANGAN LOKALITI HOTSPOT</b>
1.	Subang Jaya	1
2.	Seri Serdang	5
3.	Seri Kembangan	7
4.	Kinrara	2
<b>JUMLAH</b>		<b>15</b>

Peringatan tindakan pencegahan demam denggi di musim perayaan;

1. Pastikan semua takungan air bersih di rumah ditutup rapat sebelum pulang ke kampung;
2. Buang semua takungan air bersih yang terbuka seperti bekas minuman haiwan peliharaan, pasu bunga, pelapik pinggan dan lain-lain;
3. Sapu losyen repellen ketika berada di kawasan yang mempunyai wabak demam denggi dan elakkan berada di

- luar rumah pada waktu aktif nyamuk iaitu awal pagi dan senja; dan
4. Membuat semburan aerosol di dalam rumah pada waktu aktif nyamuk.

## **2.4 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM**

Sehingga bulan **Mei 2017** sebanyak **48** Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan **1 sitaan** kenderaan telah dilakukan. Sebanyak **20 NTK** dikeluarkan di bawah **Seksyen 4** (Kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), **17 NTK** di bawah **Seksyen 6** (Kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan **11 NTK** di bawah **Seksyen 12** (Kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPS) MPSJ 2007**.

## **2.5 PENGURUSAN BAZAR RAMADAN MPSJ 2017**

Pengurusan Bazar Ramadan MPSJ tahun 2017 berjalan dengan lebih lancar dan sistematik. Kepatuhan peniaga bazar terhadap syarat – syarat pelesenan juga bertambah baik iaitu hanya **11 Notis Tawaran Kompaun (NTK) dikeluarkan** berbanding **24 pada tahun 2016**.

## **2.6 BAZAR RAYA MPSJ**

Jabatan Pelesenan melalui Program Pembangunan Penjaja telah mengadakan **Bazar Raya di kawasan Puchong Prima** melibatkan

seramai **120 orang peniaga**. Aktiviti jualan bermula 8.00 malam sehingga 3.00 pagi. Bazar raya ini telah bermula pada **27 Mei dan akan tamat pada 25 Jun 2017**. Program ini juga dijayakan dengan kerjasama Ahli Majlis Kawasan iaitu Pn. Sharmazira dan AJK J3P Bazar Raya Puchong Prima.

## **2.7 OPERASI PENURUNAN VISUAL DAN PEROBOHAN PAPAN IKLAN TANPA KEBENARAN**

Jabatan Pelesenan telah mengambil tindakan tegas terhadap visual serta struktur iklan minisign yang didirikan tanpa kebenaran. Selain tiada kebenaran Majlis, struktur iklan juga boleh membahayakan keselamatan orang awam. Sehingga **Jan – Jun 2017**, sebanyak **168 struktur minisign** telah dirobuhkan.

## **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 5/2017**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 5 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 26 Mei 2017 (Jumaat) disahkan tanpa pindaan.

## **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Tiada perkara berbangkit.

## **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

### **5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2017 bertarikh 1 Jun 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### **5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2017 bertarikh 14 Jun 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 3.4 & m/surat 10	Encik Chang Kim Loong	Cadangan tambahan dan ubahsuai ke atas rumah berkembar 2 tingkat sedia ada kepada 3 tingkat di atas Lot 804, No. 14, Jalan PJS 9/3A, Bandar Sunway, Subang Jaya, Selangor.	Beliau mencadangkan agar pihak Majlis mengambil tindakan segera untuk membawa kertas kerja berhubung garis panduan tambahan dan ubah suai bangunan rumah berkembar dan rumah sesebuah sedia ada supaya permohonan yang melibatkan perkara tersebut dapat dipertimbangkan dan diberi kelulusan dengan segera dan sewajarnya.  <b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 9.1 & m/surat 126	Encik Chang Kim Loong	Kertas cadangan penalti flat rate kompaun RM500.00 dan fi 1 kali (fi asas) sahaja untuk program kelulusan khas yang melalui proses kebenaran merancang.	Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis membuat hebahan berhubung program tersebut kepada masyarakat menerusi media cetak dan elektronik.  <b>Tindakan : Jabatan Bangunan</b>

### 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 6/2017 bertarikh 7 Jun 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 6/2017 bertarikh 17 Mei 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 6/2017 bertarikh 9 Jun 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.1 & m/surat 29	Encik Chang Kim Loong	Isu status penilaian depoh LRT.	<p>Beliau meminta penjelasan berhubung status terkini penilaian depoh LRT Putra Height oleh pihak Majlis.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa kadar nilai depoh LRT adalah berdasarkan kadar yang telah diselaraskan oleh pihak kerajaan negeri.</p> <p>Beliau juga turut memaklumkan bahawa kadar nilai tersebut boleh dikaji semula sekiranya berkeperluan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</b></p>



## 5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 5/2017 bertarikh 9 Jun 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.1.1 & m/surat 7	Encik Pooi Weng Keong	Cadangan untuk mengadakan 'Team Building' untuk Ahli Majlis.	<p>Beliau memohon penjelasan berhubung cadangan untuk mengadakan 'Team Building' bagi Ahli Majlis MPSJ.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa perincian berkaitan cadangan tersebut akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat pada bulan Ogos.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</b></p>

## 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 6/2017 bertarikh 13 Jun 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2 & m/surat 5	Encik Pooi Weng Keong	Taklimat perkhidmatan sewaan basikal daripada syarikat OBike Sdn. Bhd.	<p>Beliau meminta penjelasan daripada pihak Majlis berhubung perkhidmatan sewaan basikal oleh syarikat OBike Sdn. Bhd.</p> <p>Beliau juga turut mencadangkan agar kaedah pelaksanaan perkhidmatan ini perlu diperincikan supaya perkhidmatan sewaan basikal ini dilaksanakan secara teratur dan bersistematik.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa YB Dato' Teng Chang Khim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Pengangkutan telah meminta MPSJ mengkaji kaedah pelaksanaan perkhidmatan sewaan basikal ini untuk dijadikan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>perintis kepada semua PBT di Selangor.</p> <p>Tuan Pengerusi juga memaklumkan taklimat ini hanya menerangkan secara dasar konsep pelaksanaan perkhidmatan sewaan basikal oleh syarikat OBike Sdn. Bhd. Perbincangan seterusnya akan diadakan bagi memperincikan kaedah pelaksanaan perkhidmatan tersebut.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Korporat &amp; Pengurusan Strategik</b></p>

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 6/2017 bertarikh 13 Jun 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 6/2017 bertarikh 14 Jun 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 6.0 PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Jun 2017** akan diadakan pada **26 Julai 2017(Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 03 Julai 2017

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(NIK ZALINA BINTI MEGAT MUDA),**  
Timbalan Pengarah  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Yang Dipertua | - | Pengerusi   |
| 2.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis |
| 3.  | TPr. Hj. Jaber bin Ami, P.J.K.  | - | "           |
| 4.  | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir   | - | "           |
| 5.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "           |
| 6.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "           |
| 7.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "           |
| 8.  | Encik Yap Kok Weng  | - | "           |
| 9.  | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan  | - | "           |
| 10. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A.                                    | - | "           |
| 11. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "           |
| 12. | Puan Norzaihan binti Ismail   | - | "           |
| 13. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy   | - | "           |
| 14. | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "           |
| 15. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "           |
| 16. | Puan Kavitha a/p Chandragesen   | - | "           |

- |     |                                 |   |   |
|-----|---------------------------------|---|---|
| 17. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 18. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N.   | - | " |
| 19. | Puan Wong Siew Ki               | - | " |
| 20. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo   |   |   |

### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |             |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Edwin Lim Hock Lee                | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Stephen Chin Sou Bong             | - | "           |
| 3. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh      | - | "           |
| 4. | Ir. Izham bin Hashim                    | - | "           |
| 5. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | "           |

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S., A.L.P.B.M., A.P.P.M.  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Tn. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
7. Puan Hjh. Anita binti Abd. Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
14. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
15. Encik Muhd Hasnizam bin Hasan  
Pengarah, Jabatan COB
16. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
17. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
18. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap

19. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
21. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
22. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
23. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
24. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
25. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Penilaian Dan Pengurusan Harta
26. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
28. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
29. Encik Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
30. Puan Nurfazian binti Kasim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
31. Cik Helda Syima binti Abu Talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan



32. Encik Mazrul Zahar bin Mohd  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan
33. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
34. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
35. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
36. Puan Nadia binti Abu Baharin  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
37. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
39. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
40. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
41. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
42. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
43. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
44. Encik Muhammad Iskandar Z bin Ami  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

45. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
46. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
47. Puan Mazlina binti Mautafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan  
Awam
48. Cik Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
49. Puan Nor Najihah binti Sukor  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
50. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
51. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
52. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
53. Puan Salihah binti Ramli  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
54. Puan Nurul Saadah binti Abdul Wahab  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
55. Cik Roshaira binti Rosly  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
56. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
57. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh  
Penolong Pengarah, Jabatan COB

58. Cik Zamzamah binti Dato' Zainuddin  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

**URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan